

Headline	FRIM dokumentasi pengetahuan tradisi orang asli		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	20 May 2013	Color	Full Color
Section	STAIL	Circulation	37,981
Page No	1	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	767 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,862
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,587



## FRIM dokumentasi pengetahuan tradisi orang asli

**DALAM** perkembangan berkaitan, Norini berkata FRIM meneruskan usaha untuk mendokumentasi sebanyak mungkin tumbuhan hutan di negara ini yang boleh dimanfaatkan dalam bidang perubatan.

Hasilnya, semasa mendokumentasikan pengetahuan perubatan tradisi orang asli di Semenanjung Malaysia, FRIM membuat penemuan terbaharu apabila membongkar rahsia empat jenis tumbuhan yang biasa digunakan oleh suku kaum Semelai di Tasik Beru.

Difahamkan suku kaum berkenaan menggunakan 10 jenis tumbuhan hutan untuk rawatan pelbagai penyakit dari penyelidikan yang dijalankan FRIM,

empat daripada tumbuhan berkenaan boleh dikomersial untuk mengubat diabetes.

"Disebabkan kelebihan yang ada pada tumbuhan ini dalam merawat penyakit diabetes, kita sedang berusaha untuk menghasilkan prototaip bagi empat jenis tumbuhan tersebut agar dapat dikomersialkan dan dikongsi nikmatnya bersama seluruh rakyat Malaysia pada tahun ini," katanya sambil menambah, FRIM sekarang ini berusaha mencari rakan kongsi untuk mengomersialkan tumbuhan berkenaan.

Sementara itu, Norini memberitahu sehingga ke hari ini, FRIM berjaya

membukukan pengetahuan tradisi sebanyak 13 suku kaum masyarakat orang asli dari Semenanjung Malaysia.

Projek yang dilaksanakan oleh FRIM itu adalah projek Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9) di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) Malaysia.

Katanya, sejak tahun 2007, FRIM telah berjaya mendokumentasikan pengetahuan tradisi 11 suku orang asli, manakala dua lagi subetnik pada tahun ini dan dua

lagi pada tahun hadapan.

"Ini bermakna, daripada 18 sub etnik masyarakat orang asli yang ada di Semenanjung Malaysia, FRIM berjaya mendokumentasikan 15 sub etnik k a u m tersebut," kata Norini.

### info

Sarawak mempunyai kepelbagaian biodiversiti tropika yang menakjubkan dan kekayaan sejarah serta budaya etnik negeri Sarawak termasuk hasil khazanah berharga seperti tapak-tapak bersejarah dan lanskap, bangunan, rumah, artifak, produk, specimen, kraf tangan dan makanan tradisional yang unik mencerminkan kesejahteraan serta keharmonian sebagai khazanah warisan negara yang sangat berharga...



**TERPAGUNG**... Timbalan Ketua Pengarah Operasi, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr. Norini Haron terpegung melihat hasil kraf tangan dari puak kumbu di salah satu gerai di tapak pameran Simposium Kebangsaan Konservasi, di Kuching.

**HADIR**... Antarayang hadir ke majlis Perasmian Simposium Kebangsaan Konservasi di Kuching.



**PELBAGAI**... Kelihatan pelbagai barangan hasil hutan yang dipamerkan di tapak pameran Simposium Kebangsaan Konservasi di Kuching.